

'Wakil Rakyat BN jangan lalai'

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meminta Barisan Nasional (BN) supaya tidak lalai dengan kemenangan besar yang diperoleh pada Pilihan Raya Umum ke-11.

Ini kerana iklim pilihan raya mungkin berbeza pada pilihan raya umum akan datang, katanya.

"Setiap pilihan raya ada iklimnya dan kalau BN yang begitu kukuh tak melaksanakan janji-janjinya, mungkin pengundi sekali lagi berasa tawar hati," katanya.

Ditanya perkara yang paling dikuatirinya berikutan kemenangan besar BN itu, Dr Mahathir berkata: "Biasanya kalau dah menang besar, jadi terlalu sombong dan angkuh... seperti Pas di Terengganu sehingga akhirnya kalah semula.

BN hendaklah "rendahkan diri balik" dan wakil rakyatnya menjalankan tugas seperti yang diharapkan oleh rakyat, katanya.

Dr Mahathir berkata iklim pilihan raya berubah-ubah, sebagai contoh BN mencapai kemenangan cukup baik pada 1995 kerana isu semasa ketika itu tidak dapat diperalatkan oleh pembangkang.

Katanya BN jatuh begitu teruk pada 1999 dengan isu timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim menyebabkan orang Melayu kurang percaya pada



Umno dan BN.

Bekas perdana menteri itu melihat keputusan pilihan raya umum ini sebagai satu sokongan rakyat terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Dia yang memainkan peranan utama walaupun menjadi Perdana Menteri kurang empat bulan tapi dia berjaya memberi gambaran yang baik mengenai kepemimpinannya. Saya ucapkan tahniah," katanya.

Mengenai keupayaan BN menawan semula Terengganu, Dr Mahathir berkata:

"Saya tak sangkalah. Saya ingat (peluang) 50-50 sajalah. Lihat Haji Hadi (bekas Menteri Besar' Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang) kalah, saya tak sangkalah.

"Tapi nampak Gelombang Biru yang dilancarkan beberapa tahun lalu berkesan dalam mengalih pemikiran rakyat. Dalam pada itu, isu 1999 kini tak ada lagi".

Beliau berkata punca kekalahan pemimpin utama Pas dan Keadilan pada pilihan raya umum ini kerana

mereka memainkan isu lama yang membosankan orang ramai manakala pengundi sudah bijak dan tidak mudah diperdayakan.

Menyentuh kemasukan semula Pengerusi DAP Lim Kit Siang dan timbalannya, Karpal Singh ke Parlimen, Dr Mahathir berkata:

"Saya fikir pengundi sengaja nak bagi tempat kepada mereka. Sebenarnya pengundi tu bukanlah penyokong mereka sangat. Mereka buat begitu kerana ada pendapat bahawa dalam demokrasi perlu ada pembangkang," katanya.

Dr Mahathir juga mengulas kegagalan sebilangan rakyat menjalankan tanggungjawab akibat kesilapan proses pengundian, termasuk daftar pengundi dan kesilapan mencetak kertas undi.

Kata Dr Mahathir, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mempunyai sistem semakan bagi menentukan segala persiapan di setiap peringkat mencukupi dan tepat.

Ditanya bagaimana beliau mengikut pilihan raya umum itu dan keputusannya bukan lagi sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Lega sikit tapi saya sampai jam 2 pagi semalam depan TV

Antara keputusan yang saya beri perhadan sangat ialah Kedah tapi malangnya (keputusan) Kedah lam-



DR MAHATHIR menjawab soal-an wartawan pada temu bual khas di kediamannya di Seri Kembangan, semalam. - Gambar Bernama

bat sekali, terbelakang. Menang 31 daripada 36 kerusi DUN. Kedah dah tebus balik dia punya maruah."

Dr Mahathir turut berpesan kepada wakil rakyat baru: "Berkhidmat bersungguh-sungguh untuk rakyat dan janganlah tidak menghadiri persidangan Dewan Rakyat atau negeri dan janganlah datang sekejap untuk ambil elaan saja".

Mengenai perubahan status material sesetengah wakil rakyat yang sebelum menjadi wakil rakyat mengguna-

kan Proton Saga tetapi selepas sebulan menjadi wakil rakyat menggunakan Mercedes, Dr Mahathir berkata:

"Saya ingat Pak Lah kata dia hak audit. Audit awal-awallah. Kita check tengok. Kereta apa dia pakai, waktu mana dia beli.

"Kalau dia dba-tiba saja dapat beli Mercedes itu juga menunjukkan bahawa ada sesuatu yang mungkin tak baik. Kita kena hidup sederhana. Pak Lah pun cuma pakai Proton Perdana saja," katanya. - Bernama